

KESEDIAAN PEMBAYARAN ZAKAT PENDAPATAN DALAM KALANGAN KAKITANGAN AWAM DI WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN: SATU KAJIAN EMPIRIKAL

Najwa Mohd Khalil ^{a*}, Nur Shahirah Azman^a, Pg Mohd Faezul Fikri Ag Omar^a

^a *Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan, Universiti Malaysia Sabah*

A PEER-REVIEWED ARTICLE

ABSTRACT

The willingness to deal with the obligation to pay zakat income among civil servants, especially in the Federal Territory of Labuan is still long-standing. The perceptions of the public on payment obligations are more focused on zakat fitrah solely. Hence, there are a handful of civil servants who are less sensitive in the payment of zakat income even if they have fulfilled the requirements as the payer of income zakat. Therefore, this study aims to review the readiness of civil servants in the Federal Territory of Labuan in fulfilling their obligation to pay zakat income. This study examines the effects of subjective norms, control of acceptable behavior, role of piety and attitude towards the willingness to pay zakat in the Federal Territory of Labuan and open new findings in the context of payment of zakat income.

ABSTRAK

Kesediaan berhubung dengan tanggungjawab membayar zakat pendapatan dalam kalangan kakitangan awam, terutamanya di Wilayah Persekutuan Labuan masih lagi ditakuk lama. Tanggapan masyarakat terhadap kewajipan membayar lebih tertumpu kepada zakat fitrah semata-mata. Lantaran itu, terdapat sebilangan kecil kakitangan awam yang kurang peka dalam pembayaran zakat pendapatan walaupun mereka telah memenuhi syarat sebagai pembayar zakat pendapatan. Oleh sebab itu, kajian ini bertujuan untuk meninjau kesediaan kakitangan awam di Wilayah Persekutuan Labuan dalam menunaikan kewajipan membayar zakat pendapatan. Kajian ini mengupas kesan-kesan norma subjektif, kawalan gelagat tertanggap, peranan takwa dan sikap ke atas kesediaan membayar zakat di Wilayah Persekutuan Labuan dan membuka dapatan baharu dalam konteks pembayaran zakat pendapatan.

Kata kunci: Zakat pendapatan, Kakitangan awam, Pembayaran zakat, Labuan, Empirikal.

1. Pengenalan

Pembasmian kemiskinan merupakan salah satu agenda utama dalam dasar pembangunan negara menjelang tahun 2020. Justeru itu, salah satu usaha pembasmian kemiskinan mengikut kaedah Islam adalah melalui dana zakat. Dana zakat merupakan suatu instrumen kewangan yang berpotensi dalam

* Corresponding author: Najwa Mohd Khalil, Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan, Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan, Jln. Sg. Pagar, 87000 W. P. Labuan, Malaysia. E-mail: najwa@ums.edu.my

mengurangkan jurang kemiskinan serta memperkukuhkan kedudukan ekonomi umat Islam setempat. Kedudukan zakat yang tinggi dalam Islam sering digandingkan bersama perkataan solat di dalam kitab suci al-Quran yang mana zakat wajib dikeluarkan ke atas beberapa jenis harta yang telah ditetapkan mengikut syarat dan tempoh masa tertentu.

Di Malaysia, zakat pendapatan dilihat sebagai suatu sumber baharu yang sangat baik untuk dibangunkan di setiap negeri. Zakat pendapatan didefinisikan sebagai *al-mal al-mustafad* iaitu zakat yang diperolehi daripada pendapatan gaji bulanan atau pendapatan profesional yang lain. Zakat pendapatan terdiri daripada hasil pendapatan atau pulangan atau bayaran yang diperolehi atas balasan atau perkhidmatan yang diberikan. Bayaran ini terdiri daripada pelbagai bentuk seperti gaji, upah, royalti, honorium, pencen, pampasan atau segala bentuk pendapatan yang berasaskan kerjaya atau sebagai ahli profesional (Hairunnizam wahid *et al.*, 2007; Hamid, 2011).

Laporan Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang bersidang pada 22 Jun 1997 telah menyatakan bahawa zakat pendapatan adalah wajib kepada mereka yang layak mengeluarkan zakat mengikut syarat-syarat tertentu. Meskipun Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan ini telah menyatakan bahawa mengeluarkan zakat pendapatan adalah wajib tetapi masih terdapat sebilangan kecil kakitangan awam dan swasta yang kurang kesediaan untuk membayar zakat. Kesediaan menurut Kamus Dewan edisi keempat, didefinisikan sebagai kesanggupan atau kerelaan seseorang dalam melakukan sesuatu perkara (Pustaka, 2015). Oleh itu, kesediaan kutipan zakat pendapatan melalui institusi zakat tidak menjamin peningkatan jumlah pembayar zakat pendapatan terutamanya dalam kalangan kakitangan awam di Wilayah Persekutuan Labuan.

Pelbagai usaha, promosi dan kemudahan telah dijalankan oleh Pusat Pungutan Zakat (PPZ) seperti pembukaan kaunter zakat di bank dan pejabat pos, kemudahan di atas talian, serta insentif rebat potongan zakat. Kemudahan insentif rebat zakat diberikan kerajaan kepada masyarakat Islam di Malaysia bagi membantu kesediaan masyarakat membayar zakat serta mengurangkan kadar kutipan cukai pendapatan individu. Namun, masih terdapat segelintir kakitangan awam yang mempunyai sikap negatif terhadap zakat pendapatan maka kadar kesediaan membayar zakat pendapatan akan merosot.

Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk melihat hubungan sikap, norma subjektif, kawalan gelagat tertanggap dan takwa terhadap kesediaan pembayar zakat pendapatan dalam kalangan kakitangan awam di Wilayah Persekutuan Labuan dengan mengaplikasikan teori perilaku terencana (*Theory Planned Behavior-TPB*). Oleh yang demikian, terdapat perbezaan reaksi, pandangan dan tindak balas dalam kalangan pembayar zakat berhubung kesediaan mereka dalam membayar zakat pendapatan.

2. Pembangunan teori

Teori perilaku terencana (*Theory Planned Behavior-TPB*) adalah suatu model psikologi sosial yang terkenal dan sering digunapakai dalam pelbagai kajian gelagat. Teori ini merupakan kesinambungan daripada *Theory Reasoned Action (TRA)* oleh Fishbein dan Ajzen (1975) yang mana teori ini memberi kefahaman yang lengkap dan berkesan mengenai niat dan tingkah laku pengguna dalam sesuatu kajian. Tujuan teori ini dibina adalah bagi mengatasi masalah ketidakawalan sepenuhnya (*incomplete volitional control*) terhadap sesuatu gelagat. Maka teori ini melihat bagaimana sesuatu gelagat dipengaruhi oleh sikap, norma subjektif dan kawalan gelagat tertanggap.

Kajian yang berkaitan dengan niat gelagat dalam bidang zakat adalah sedikit berbanding kajian dalam bidang teknologi, pendidikan dan kesihatan. Oleh yang demikian kajian ini mengadaptasikan *TPB* dalam menentukan gelagat kesediaan atau niat pembayar zakat terhadap zakat pendapatan melalui faktor sikap,

norma subjektif, kawalan gelagat tertangkap dan takwa. *TPB* direka bagi menganalisis dan menerangkan gelagat manusia secara khusus (Ajzen *et al.*, 1991).

2.1 Sikap

Elemen sikap adalah suatu elemen terpenting kepada seseorang individu dalam membuat sesuatu keputusan. Sikap seseorang individu terhadap sesuatu perkara, peristiwa dan organisasi mempengaruhi mereka dalam proses pembuatan keputusan. Sikap positif akan memberikan impak yang positif terhadap tingkah laku manusia di mana kecenderungan untuk melakukan sesuatu adalah tinggi. Manakala sikap negatif memperlihatkan tingkah laku yang negatif iaitu kecenderungan manusia tidak melakukan sesuatu adalah tinggi atau mereka cenderung untuk mengelak untuk melakukan sesuatu. Oleh yang demikian sesuatu keputusan akan dicapai berdasarkan sikap positif atau negatif dalam diri seorang sehingga terlahirnya sesuatu tindakan (Ajzen *et al.*, 1991; Mueller, 1986).

Sikap juga boleh dipecahkan kepada lima bahagian iaitu sikap positif, sikap was-was, sikap bersyarat, sikap am dan sikap tanpa syarat. Tiga daripada lima sikap ini mempunyai hubungan yang positif dan signifikan terhadap gelagat kepatuhan pembayaran zakat pendapatan iaitu sikap positif, sikap was-was dan sikap bersyarat. Manakala sikap am dan sikap tanpa syarat dikenal pasti dapat mempengaruhi niat kepatuhan membayar zakat pendapatan secara positif (Kamil & Ahmad Mahdzan, 2002). Pembayar zakat yang mempunyai sikap positif dan sikap am akan menghasilkan niat yang positif serta dapat menunjukkan kecenderungan yang positif terhadap pembayaran zakat pendapatan.

Selaras dengan itu, Hairunnizam *et al.* (2007) mendapati bahawa terdapat tujuh golongan pembayar zakat berdasarkan tahap kesedaran mereka terhadap zakat, antara golongan tersebut ialah golongan yang membayar zakat berdasarkan kewajipan undang-undang atau akta, golongan yang memilih membayar cukai berbanding zakat pendapatan, golongan yang jahil mengenai zakat, golongan yang tidak mempercayai institusi zakat, golongan yang merasakan zakat sebagai beban, golongan yang hanya mengetahui zakat sebagai zakat fitrah dan golongan yang menggunakan zakat sebagai pelepasan cukai. Selain itu, terdapat juga golongan yang enggan membayar zakat berikutan mempunyai perbezaan fahaman politik. Ini jelas menunjukkan bahawa sikap dan tingkah laku pembayar zakat di negara ini dipengaruhi oleh keyakinan berdasarkan norma-norma yang ada dalam masyarakat setempat serta kecenderungan pengetahuan mengenai sesuatu perkara.

Dapatan kajian lepas juga turut mendapati bahawa terdapat sebahagian besar individu yang membayar zakat fitrah sahaja kerana ianya dilihat sebagai wajib dan memilih untuk tidak membayar zakat untuk harta-harta yang lain sebagai contoh zakat perniagaan, zakat emas dan zakat pendapatan. Hal ini berkemungkinan disebabkan kadar pengetahuan masyarakat pada waktu itu mengenai pembayaran zakat adalah rendah dan kurangnya kefahaman mengenai pembayaran zakat. Namun begitu, selaras dengan perkembangan pendidikan negara yang semakin terbuka maka wujud kefahaman tentang kewajipan dan tanggungjawab berzakat maka terlahirlah sikap yang positif untuk membayar zakat. Apabila sikap terhadap pembayaran zakat adalah positif maka membayar zakat dianggap sebagai suatu ibadat bukan lagi beban kepada pembayar zakat maka kecenderungan membayar zakat adalah tinggi (Hairunnizam *et al.*, 2016; Hairunnizam *et al.*, 2007). Hal ini menunjukkan bahawa faktor sikap amat signifikan dalam mempengaruhi kepatuhan membayar zakat terutamanya zakat pendapatan.

2.2 Norma subjektif

Gelagat kepatuhan juga dipengaruhi oleh norma subjektif. Norma subjektif adalah persepsi atau pandangan seseorang terhadap kepercayaan orang lain yang akan mempengaruhi minat untuk melakukan atau tidak melakukan sesuatu perilaku yang sedang dipertimbangkan. Norma subjektif dibentuk berdasarkan keyakinan normatif (*normative belief*) dan kepatuhan motivasi (*motivation comply*) (Chu & Wu, 2004). Keyakinan normatif boleh didefinisikan sebagai sejauh mana kepercayaan dan keyakinan kepada seseorang atau kumpulan rujukan terhadap pandangan dan tingkah laku dalam pembuatan

keputusan. Seseorang itu berhak untuk mengabaikan pandangan dan tingkah laku kumpulan rujukan dalam pembuatan keputusan jika keputusan tersebut melibatkan kepentingan peribadi dalam kehidupan mereka. Manakala, kepatuhan motivasi adalah selaras dengan kepercayaan atau motivasi kumpulan rujukan dalam mempengaruhi seseorang. Kepatuhan motivasi menggambarkan bahawa pandangan orang sekelilingnya seperti adik beradik, saudara mara, dan rakan sekerja dapat memotivasikan pandangan seseorang individu dalam melakukan sesuatu keputusan atau tingkah laku (Ajzen, 1987; Ajzen *et al.*, 1991).

Norma subjektif boleh dihuraikan kepada beberapa struktur normatif yang khusus. Hal ini kerana satu unit normatif tidak terpengaruh terhadap niat kumpulan kepakaran atau kumpulan rujukan yang berbeza. Oleh yang demikian kumpulan rujukan boleh dibahagikan kepada dua buah kumpulan iaitu kumpulan kepercayaan normatif prima (primary normative belief) yang merujuk kepada ahli keluarga dan rakan-rakan serta kepercayaan normatif sekunder (sekunder normative belief) yang melibatkan penyelia dan rakan sebaya. Kepercayaan normatif sekunder berhubungan signifikan dengan norma subjektif dan norma subjektif berhubungan positif dengan niat. Konsep norma subjektif dari pelbagai kumpulan rujukan dapat memberikan impak kepada niat pembayar zakat dalam melakukan amal ibadah. (Bidin & Md Idris, 2009; Chu & Wu, 2004; Haji-Othman *et al.*, 2018; Jaffar & Musa, 2016).

2.3 Kawalan gelagat tertanggap

Kawalan gelagat tertanggap adalah merujuk kepada tertanggapnya suatu gelagat atau kelakuan disebabkan oleh persepsi sukar atau mudah seseorang untuk melakukan suatu gelagat tersebut. Jika seseorang menganggap bahawa sesuatu kelakuan dapat dilaksanakan dengan mudah, maka ianya terdorong untuk melaksanakannya; dan jika seseorang menganggap suatu gelagat sukar untuk dilakukan, maka dorongan untuk melaksanakannya adalah kurang (Ajzen, 1991). Terdapat hubungan yang kuat dan signifikan diantara kawalan gelagat tertanggap dengan gelagat kepatuhan zakat perniagaan di kalangan peniaga. Tambahan pula, wujudnya kehendak dan keinginan berzakat yang mempengaruhi kepatuhan peniaga dalam membayar zakat perniagaan (Ram Al Jaffri *et al.*, 2010). Selain itu, faktor keupayaan, kemampuan dan sumber yang mencukupi telah mendorong gelagat para peniaga dalam menunaikan zakat perniagaan bagi menjamin kepatuhan pembayaran zakat. Pengetahuan mengenai zakat, kadar, kaedah pengiraan dan taksirannya turut menyebabkan tanggapan para peniaga terhadap zakat meningkat lantas bertindak membayar zakat perniagaan dan ia merupakan pelengkap kepada pengaruh kawalan gelagat tertanggap terhadap pembayaran zakat perniagaan tersebut.

Selain itu, kawalan gelagat tertanggap mempengaruhi kehendak untuk membayar zakat simpanan dalam kalangan staf akademik dan bukan akademik bagi sebuah universiti awam di Malaysia. Ini kerana wujudnya hubungan yang positif antara kehendak untuk membayar zakat dengan tanggapan ataupun kepercayaan mereka bahawa zakat adalah suatu kewajipan dan ianya mudah untuk dilaksanakan serta terdapat manfaat di sebalik perlakuan membayar zakat. Hal ini dikuatkan lagi apabila ianya menjadi faktor utama dalam mempengaruhi gelagat kepatuhan membayar zakat berbanding sikap dan norma subjektif (Zainol *et al.*, 2013). Ini menunjukkan bahawa gelagat kepatuhan untuk membayar zakat adalah berkait rapat dengan tanggapan awal individu terhadap kewajipan membayar zakat itu sendiri yang seterusnya menyebabkan wujudnya keinginan untuk membayar zakat simpanan. Situasi yang sama juga didapati berlaku dikalangan tenaga akademik di salah sebuah ibu negeri di Malaysia. Kawalan gelagat tertanggap berhubungan sangat signifikan dengan keinginan atau niat mereka untuk membayar zakat pendapatan. Walaupun terdapat perbezaan kawalan gelagat tertanggap di kalangan ahli akademik yang melibatkan jantina, umur, tahap kelayakan akademik dan tingkat pendapatan mereka, namun ianya terus menunjukkan hubungan yang positif terhadap kepatuhan membayar zakat serta wujudnya kesediaan untuk membayar zakat pendapatan (Raedah *et al.*, 2011).

Dapatan kajian lepas juga turut mendapati kawalan gelagat tertanggung mempunyai pengaruh yang signifikan kepada gelagat yang mengarah kepada pembayaran zakat harta dalam kalangan pembayar zakat (muzakki) di Jakarta, Indonesia disebabkan ianya adalah salah satu daripada rukun Islam yang kelima yang wajib dipatuhi. Malah lebih memberangsangkan apabila masyarakat awam selaku pembayar zakat turut bersedia untuk mengeluarkan zakat ke atas harta mereka walaupun mereka berdepan dengan beban kewangan kerana percaya ianya adalah untuk golongan asnaf yang berhak menerima zakat dalam membantu mereka dari segi kewangan. Ini menunjukkan gelagat pembayar zakat yang ingin membayar zakat dipengaruhi secara signifikan bukan hanya disebabkan kerana pengetahuan dan kemampuan mereka, malah disumbang oleh kesanggupan mereka membayar zakat dalam apa jua keadaan sama ada susah atau senang dengan didorong oleh keutamaan kewajipan berzakat sebagai salah satu daripada rukun Islam yang wajib ditunaikan (Nurul Huda *et al.*, 2012).

2.3 Takwa

Menurut An-Nawawi dalam tulisannya menjelaskan hadis tentang apa yang dimaksudkan dengan takwa adalah perihal melaksanakan segala kewajipan dan meninggalkan segala larangan Allah (An-Nawawi, 1994). Takwa seperti yang disebutkan oleh Saidina Ali bermaksud takut kepada Allah, beramal dengan dasar Al-Quran, menerima terhadap yang sedikit dan bersedia dengan hari kesudahan (As-Solehi, 1993). Nilai keagamaan membawa pengertian yang meluas dan boleh membawa maksud tahap komitmen dan kesungguhan seorang individu dalam mematuhi ajaran agama mereka (Johnson *et.al*, 2001). Takwa berhubungkait dengan gelagat kepatuhan individu kerana komponen, elemen dan dimensi keagamaan boleh mengawal fungsi afektif dan kognitif seseorang yang seterusnya mempengaruhi penilaian mereka (Kamil *et al.*, 2012). Nilai keagamaan atau ketakwaan didefinisikan sebagai panduan yang mendorong kepada tingkahlaku yang terbit daripada seseorang individu untuk sentiasa melakukan kebajikan seperti membayar zakat. Nilai keagamaan yang boleh menjelaskan kepada ketakwaan didapati adalah mempengaruhi perihal kelakuan (Weaver & Agle, 2002). Ketakwaan sangat penting untuk diukur sebagai salah satu factor yang mempengaruhi kesediaan seseorang individu untuk membayar zakat kerana ia sangat berkait rapat dengan sifat zakat itu sendiri sebagai sebuah bentuk kewajipan yang diperintahkan oleh Islam itu sendiri. Oleh kerana perkaitan antara ketakwaan dan kepatuhan menunaikan perintah agama seringkali diutarakan saling selari dan seiringan, maka seandainya takwa dapat dijelaskan mempunyai hubungan yang positif terhadap kepatuhan pembayaran zakat, tentu natijahnya amat penting dalam mempengaruhi sebarang dasar dan idea yang direncanakan.

Elemen takwa sebagai salah satu indicator penyebab kepada gelagat kepatuhan pembayaran zakat perlu diketengahkan dalam menjelaskan lagi perlakuan pembayar zakat. Walaupun takwa sukar diukur dan diterjemah kerana sifatnya yang abstrak, namun beberapa nilai keagamaan dan kepercayaan boleh menjadi proksi dalam menentukan tahap ketakwaan seseorang. Takwa juga merupakan salah satu pendorong kepada seseorang untuk menunaikan sebarang bentuk kewajipan termasuk membayar zakat pendapatan (Kamil *et al.*, 2012). Berdasarkan Al-Quran dan As-Sunnah serta kesepakatan ulama telah menyatakan kewajipan berzakat ke atas orang Islam berdasarkan nilai keagamaan mereka dalam membayar zakat. Ini dibuktikan apabila terdapat hubungan yang signifikan dalam kesediaan peniaga Islam membayar zakat pendapatan perniagaan secara sukarela. Kepercayaan bahawa setiap amal ibadah yang dilaksanakan akan diberikan ganjaran pahala oleh Allah telah menyebabkan para peniaga membayar zakat pendapatan perniagaan secara sukarela.

Selain itu, kepercayaan bahawa zakat adalah suatu kewajipan adalah sangat berkait rapat dan mempunyai hubungan signifikan dengan kelakuan kepatuhan membayar zakat di kalangan pekerja industri di Lembah Klang. Pengetahuan yang tinggi dalam perihal agama iaitu mempunyai pendidikan agama akan mendorong keinginan mereka dalam membayar zakat. Begitu juga dengan keterangkuman akhlak dan amalan mengikut sunnah dalam menyumbang kepada seseorang individu menunaikan kewajipan

berzakat. Semakin tinggi tahap kepatuhan mereka untuk menunaikan suatu kewajipan, berakhlak dan perilaku mengikut sunnah, maka semakin tinggi kecenderungan mereka untuk mengeluarkan zakat (Mazni & Noor, 2018). Terdapat juga hubungan antara faktor keagamaan dengan kepatuhan membayar cukai oleh individu yang bekerja sendiri daripada pelbagai kaum dan agama.

Walau bagaimanapun, didapati faktor agama mempunyai impak yang kecil namun signifikan dalam mendorong gelagat setiap individu untuk membayar cukai tahunan dengan sukarela. Bagi individu Islam pula, kecenderungan mereka untuk membayar zakat sebagai keutamaan berbanding cukai adalah masih tinggi. Ianya berkait dengan kepercayaan bahawa zakat adalah seperti sedekah yang diberikan kepada golongan yang kurang berkemampuan, di samping wujud balasan pahala dan keberkatan dalam menunaikannya. Justeru itu, dalam kalangan individu Muslim, faktor keagamaan adalah berhubung positif dengan kepatuhan pembayaran zakat mahupun cukai (Raihana & Jeff, 2014). Walaupun terdapat limitasi dalam kajian tentang pengaruh takwa atau keagamaan individu terhadap gelagat membayar zakat, namun ianya adalah salah satu faktor yang penting dalam mempengaruhi tingkahlaku pekerja di universiti awam di Malaysia untuk membayar zakat simpanan (Farah Mastura *et al.*, 2015). Hubungan yang positif dan signifikan antara faktor keagamaan dengan kepatuhan untuk mengeluarkan zakat simpanan adalah jelas apabila semakin tinggi nilai keagamaan seseorang maka semakin mudah untuk individu tersebut menunaikan zakat simpanan mereka berbanding individu yang kurang mempunyai nilai keagamaan yang baik.

3. Metodologi kajian

Kajian ini dijalankan dalam kalangan kakitangan yang bekerja di Wilayah Persekutuan Labuan yang merujuk sebagai sampel kajian. Kajian ini menggunakan persampelan penilaian. Responden akan dipilih sekiranya mereka memenuhi kriteria-kriteria berikut: (a) Adakah anda pernah membayar zakat sebelum ini? (b) Adakah anda berhajat untuk membayar zakat dalam masa yang terdekat? Borang soal selidik yang direka adalah berpandukan kepada adaptasi daripada kajian-kajian lepas. Sebanyak 336 borang soal selidik yang telah diedarkan melalui email. Namun begitu, hanya 147 borang soal selidik yang digunakan untuk tujuan analisis dalam kajian ini. Jadual 1 menunjukkan profil responden dalam kajian ini. Agihan jantina responden adalah lebih kurang sama dengan responden wanita adalah menghampiri 60% manakala responden lelaki adalah seramai 42%. Status perkahwinan pula menunjukkan bahawa majoriti responden kajian adalah bujang iaitu daripada 147 responden, 67.3% adalah bujang. Di samping itu, majoriti responden adalah berbangsa Melayu iaitu sebanyak 60% dan diikuti dengan kedua tertinggi bangsa lain-lain manakala bangsa Kadazan-Dusun dan Bajau-Suluk masing-masing menyumbang sebanyak 8.8% dan hanya 1.4% responden berbangsa Cina. Seramai 37.4% responden mempunyai tahap pendidikan Sarjana. Manakala responden yang memiliki tahap pendidikan Ijazah dan STPM/STAM/ Sijil Kemahiran dan Diploma masing-masing menyumbang 23.1% dan 20.4% dan responden yang mempunyai PhD adalah seramai 12.2% daripada jumlah responden.

4. Hipotesis, dapatan dan perbincangan kajian

4.1 Analisis faktor dan ketekalan dalaman

Bahagian ini akan membincangkan tentang hasil dapatan empirikal bagi menjawab objektif kajian ini. Analisis faktor dilakukan bagi mengenal pasti kombinasi item-item soalan yang bersesuaian sebelum menjalankan analisis regresi. Andaian asas bagi analisis faktor ialah sejumlah faktor-faktor yang wujud bagi menerangkan korelasi atau hubungan antara pembolehubah-pembolehubah yang dikaji (Amin & Ramayah, 2010) malah dengan analisis faktor juga dapat memastikan kesahan (*validity*) instrumen yang digunakan dalam kajian (Sapingi *et al.*, 2011). Kajian ini menjalankan analisis faktor menggunakan Analisis Komponen Utama (PCA) bersama-sama kaedah Varimax dengan kaedah putaran Normalisasi

Kaiser dengan nilai Eigen bagi setiap faktor adalah sama dengan 1 atau lebih.

Jadual 2 menunjukkan kesahihan instrumen yang digunakan dalam kajian dengan menggunakan faktor analisis. Faktor analisis digunakan bagi meminimumkan sejumlah pemboleh-pemboleh ubah yang mempunyai nilai pemberatan faktor yang tertinggi (K. Blind *et al*, 2001). Sapigi (2011) menyatakan bahawa pemberatan faktor yang mempunyai nilai melebihi 0.6 adalah mencerminkan bahawa instrumen yang digunakan dalam soal-selidik adalah mencukupi. Maka merujuk kepada Jadual 2, dapatan kajian mendapati bahawa terdapat 4 faktor yang boleh dipertimbangkan penyumbang kepada pemboleh ubah bersandar iaitu keinginan membayar zakat. Data menunjukkan nilai pemberatan faktor bagi faktor takwa mempunyai julat antara 0.943 – 0.903 manakala faktor kedua iaitu tingkahlaku mempunyai julat nilai antara 0.880 – 0.822. Faktor ketiga iaitu norma subjektif mempunyai nilai pemberatan faktor antara 0.847 – 0.837 dan faktor terakhir iaitu kawalan gelagat tertanggap mempunyai nilai antara 0.863 – 0.674.

Dapatan kajian bagi mengukur kebolehpercayaan instrumen dalam soal-selidik juga turut dilaporkan dalam Jadual 2. Kebolehpercayaan faktor-faktor perlulah ditentukan bagi mengesahkan ukuran kesahihan yang digunakan (Amin & Ramayah, 2010). Sapigi (2011) menyatakan bahawa nilai Cronbach alpha melebihi nilai 0.7 adalah diterima seperti yang dicadangkan oleh Nunnally (1978). Oleh yang demikian, nilai Cronbach alpha bagi faktor 1 iaitu takwa adalah $\alpha = 0.911$, faktor 2 tingkahlaku $\alpha = 0.861$, faktor 3 norma subjektif $\alpha = 0.782$ dan terakhir faktor 4 iaitu kawalan gelagat tertanggap mempunyai nilai $\alpha = 0.956$. Maka dapatlah disimpulkan bahawa semua faktor yang digunakan dalam kajian ini mempunyai nilai kebolehpercayaan yang wajar.

Bagi mengukur kecukupan persampelan, ujian Bartlett Test of Sphericity dan Kaiser-Mayer-Olkin (KMO) digunakan dalam kajian ini. Hasil dapatan haruslah lebih besar daripada nilai 0.6 bagi menggambarkan instrumen yang direka dan bagi menyimpulkan kajian ini mempunyai kecukupan persampelan yang mencukupi. Justeru itu, dapatan kajian mendapati bahawa nilai Bartlett Test of Sphericity dan Kaiser-Mayer-Olkin masing-masing ialah iaitu 1632.534 dengan nilai signifikan pada 1 peratus di mana jumlah nilai varian boleh menjelaskan sebanyak 84.237 daripada 4 komponen. Malah nilai Bartlett Test of Sphericity bagi pembolehubah bersandar iaitu nilai item kesediaan pembayar zakat untuk membayar zakat (*intent*) ialah = 132.724 dan signifikan pada 1 peratus tahap signifikan manakala nilai KMO pula menunjukkan 0.067 iaitu menunjukkan bahawa pensampelan kajian adalah memuaskan.

Jadual 1: Profile responden

Pemboleh ubah	Frekuensi	Peratus (%)
<i>Jantina</i>		
Lelaki	62	42.2
Perempuan	85	57.8
<i>Status Perkahwinan</i>		
Bujang	99	67.3
Berkahwin	48	32.7
<i>Bangsa</i>		
Melayu	88	59.9
Kadazan-Dusun	13	8.8
Bajau-Suluk	13	8.8
Cina	2	1.4
Lain-lain	31	21.1

<i>Tahap Pendidikan</i>		
SPM	10	6.8
STPM/STAM/Sijil Kemahiran/Diploma Ijazah	30	20.4
Sarjana	34	23.1
Doktor Falsafah (PhD)	55	37.4
	18	12.2

Jadual 2: Pemuatan faktor (pembolehubah tidak bersandar)

Pembolehubah	Pemuatan faktor			
	Faktor 1	Faktor 2	Faktor 3	Faktor 4
Takwa 1	.943			
Takwa 2	.923			
Takwa 3	.903			
Sikap 1		.880		
Sikap 3		.870		
Sikap 2		.822		
Norma subjektif 1			.847	
Norma subjektif 3			.839	
Norma subjektif 2			.837	
Kawalan gelagat tertanggap 2				.863
Kawalan gelagat tertanggap 3				.788
Kawalan gelagat tertanggap 1				.674
Kaiser-Meyer-Olkin Measure of Sampling Adequacy	.776 (78%)	-	-	-
Bartlett's Test of Sphericity	Chi-square 1632.534 (df 66, p-value = .000)	-	-	-
Eigenvalue	5.646	2.003	1.354	1.105
Variance explained	47.051	16.691	11.283	9.212
Cronbach alpha	.911	.861	.782	.956

Jadual 3: Pemuatan faktor (pembolehubah bersandar)

Items of the Dependent Variable	Factor Loadings
Kesediaan pembayar zakat pendapatan 1	.880
Kesediaan pembayar zakat pendapatan 3	.849
Kesediaan pembayar zakat pendapatan 2	.778
Kaiser-Meyer-Olkin Measure of Sampling Adequacy	.067 (67%)
Bartlett's Test of Sphericity	Chi-square 132.724 (df 3, p-value =.000)
Cronbach alpha (α)	.759

4.1 Analisis faktor dan ketekalan dalaman

Bahagian ini akan melaporkan nilai min, sisihan piawai dan korelasi pemboleh-pemboleh ubah dalam kajian ini. Jadual 4 menunjukkan statistik diskriptif iaitu min dan sisihan piawai pemboleh ubah. Manakala Jadual 5 menunjukkan korelasi pemboleh ubah bersandar dan tidak bersandar dalam kajian ini. Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5, ianya melaporkan bahawa semua pemboleh ubah tidak bersandar (tingkahlaku, subjektif norma, kawalan gelagat tertanggap dan takwa) mempunyai korelasi yang positif terhadap pemboleh ubah bersandar iaitu kesediaan pembayar zakat untuk membayar zakat (intent). Jadual 5 juga menunjukkan bahawa semua pemboleh ubah tidak bersandar mempunyai korelasi antara satu sama lain terhadap pemboleh ubah bersandar yakni nilai korelasi adalah antara pemboleh ubah adalah kurang daripada 0.8 maka kebarangkalian bahawa masalah *multicollinearity* wujud adalah rendah. Maka semua pemboleh-pemboleh ubah dalam Jadual 5 boleh digunakan dalam analisis seterusnya iaitu analisis regresi berganda.

Jadual 4: Statistik diskriptif

Pembolehubah	Min	Sisihan Piawai	Sample
Kesediaan pembayar zakat pendapatan	4.7687	.43725	147
Sikap	4.8980	.31842	147
Norma subjektif	4.4240	.60258	147
Kawalan gelagat tertanggap	4.6304	.51482	147
Takwa	4.8050	.43241	147

Jadual 5: Korelasi

	Sikap	Norma subjektif	Kawalan gelagat tertanggap	Takwa	Kesediaan pembayar zakat pendapatan
Sikap	1	.445**	.446**	.485**	.622**
Norma subjektif	.445**	1	.499**	.296**	.565**
Kawalan gelagat tertanggap	.446**	.499**	1	.365**	.564**
Takwa	.485**	.296**	.365**	1	.537**
Kesediaan pembayar zakat pendapatan	.622**	.565**	.564**	.537**	1

Note : * p < 0.05; **p < 0.01

4.3 Analisis regresi pelbagai

Hipotesis bagi kajian ini adalah seperti berikut:

- H1 Sikap mempunyai hubungan positif dengan kesediaan kakitangan awam di Wilayah Persekutuan Labuan dalam membayar zakat pendapatan.
- H2 Norma subjektif mempunyai hubungan positif terhadap kesediaan kakitangan awam di Wilayah Persekutuan Labuan dalam membayar zakat pendapatan.
- H3 Kawalan gelagat tertanggap mempunyai hubungan positif terhadap kesediaan kakitangan awam di Wilayah Persekutuan Labuan dalam membayar zakat pendapatan.

H4 Takwa mempunyai hubungan positif terhadap kesediaan kakitangan awam di Wilayah Persekutuan Labuan dalam membayar zakat pendapatan.

Berdasarkan hipotesis di atas, semua pemboleh ubah dijangkakan memberikan kesan yang positif terhadap kesediaan kakitangan awam di Wilayah Persekutuan Labuan dalam membayar zakat pendapatan. Hasil kajian dalam Jadual 6 menunjukkan terdapat hubungan yang positif dan signifikan di antara sikap, norma subjektif, kawalan gelagat tertanggung dan takwa terhadap kesediaan kakitangan awam di Wilayah Persekutuan Labuan dalam membayar zakat pendapatan. Nilai t sikap (4.335), norma subjektif (3.871), kawalan gelagat tertanggung (3.287) dan takwa (3.757) adalah signifikan. Hasil kajian menunjukkan bahawa pemboleh-ubah ini turut memperlihatkan kesan positif ke atas kesediaan kakitangan awam dalam membayar zakat pendapatan.

Berdasarkan kajian ini pemboleh ubah sikap secara amnya mempunyai sikap yang positif dan signifikan terhadap kepatuhan zakat pendapatan dan menyokong teori yang dibangunkan oleh Ajzen (1991) yang menekankan bahawa sikap adalah elemen yang penting dalam mempengaruhi gelagat individu. Hasil kajian menjelaskan bahawa kakitangan awam di Labuan mempunyai sikap yang positif terhadap zakat pendapatan. Walau bagaimanapun, pelbagai usaha perlu diberi tumpuan oleh pihak berwajib supaya dapat meningkatkan kadar kesediaan pembayar zakat di kalangan kakitangan awam serta meyakinkan pembayar zakat. Usaha yang berterusan perlu dilakukan melalui media massa dan media cetak dan harus dikekalkan supaya dapat memupuk sikap yang positif dan meningkatkan kadar pembayar zakat pendapatan. Hal ini kerana permasalahan mengenai zakat pendapatan sering diperdebatkan dan memerlukan langkah yang proaktif dalam memberi kesedaran kepada mereka yang layak membayar zakat pendapatan.

Di samping itu, norma subjektif juga berada didapati bernilai positif seperti pemboleh ubah sikap. Hasil kajian menunjukkan bahawa norma subjektif atau kumpulan rujukan ke atas zakat pendapatan datang daripada pelbagai kumpulan rujukan. Berdasarkan Ajzen dan Fishbein (1980) di mana kumpulan tertentu boleh dijadikan rujukan bagi seseorang dalam membuat sesuatu keputusan atau mempengaruhi gelagat seseorang. Kumpulan rujukan ini terdiri daripada kepercayaan normatif prima, kepercayaan normatif luaran dan kepercayaan normatif pasangan. Dapatan yang signifikan dan hubungan yang positif terhadap kesediaan membayar zakat pendapatan menggambarkan bahawa seseorang individu lebih cenderung mengambil pandangan atau pendapat kumpulan rujukan berkaitan agama seperti membayar zakat. Hal ini kerana pandangan daripada kumpulan rujukan tertentu seperti ibu bapa, pasangan, guru agama, rakan-rakan, dan majikan dapat memotivasikan seseorang individu dalam melakukan zakat pendapatan (Bidin & Md Idris, 2009; Chu & Wu, 2004).

Hasil kajian juga mendapati pemboleh ubah kawalan gelagat tertanggung adalah positif terhadap kepatuhan zakat pendapatan dan selari dengan dapatan kajian-kajian lepas yang telah dibincangkan. Ia seterusnya menyokong teori kawalan gelagat tertanggung oleh Ajzen (1991) bahawa mudah dan susah suatu tindakan untuk dilakukan dipengaruhi oleh tanggapan terhadap sesuatu tindakan itu. Ini kerana berdasarkan hasil kajian tentang kawalan gelagat tertanggung berkaitan dengan kepatuhan membayar zakat, didapati jika seseorang individu merasakan bahawa zakat pendapatan adalah mudah untuk dibayar dan dilaksanakan, maka ianya pasti mendorong kepada kepatuhan pembayaran zakat pendapatan. Justeru adalah penting bagi institusi zakat terutama Pusat Pungutan Zakat (PPZ) MAIWP Labuan untuk mempergiat penyebaran maklumat terutamanya tentang kewajipan dan rasional berzakat serta mudahnya melakukan pembayaran zakat, menggunakan pendekatan moden dan mudah dicapai oleh masyarakat terutama pembayar zakat. PPZ MAIWP Labuan juga disaran mengurangkan karenah birokrasi di kaunter pembayaran dengan melancarkan segala urusan melibatkan pembayaran zakat dalam tempoh waktu yang singkat dan cekap.

Institusi zakat boleh memperluaskan penggunaan kalkulator zakat atau mewujudkan dan mengiklankan aplikasi khusus tentang zakat, meliputi tuntutan dan faedah, kaedah pengiraan dan pembayarannya agar

memudahkan pemahaman masyarakat tentang membayar zakat dan proses pembayaran zakat menjadi lebih dekat, mudah dicapai dan senang dilakukan oleh masyarakat. Dalam pembangunan aplikasi tersebut, institusi zakat boleh bekerjasama dengan syarikat yang mempunyai kebolehan dan menawarkan kepakaran dan kemahiran mereka dalam bidang teknologi ini yang secara langsung dapat menyokong teknologi kewangan Islam (Islamic Fintech) yang mampu menjadi tulang belakang gaya hidup masa kini. Ciri kemudahan akses, keselamatan, kecekapan, ketepatan dan kebergantungan mesti dititikberatkan agar ianya menjadi pilihan utama masyarakat dalam kehidupan seharian berkaitan perihal zakat. Ini secara tidak langsung dapat menarik kesedaran, minat dan mencapai pelbagai genap lapisan masyarakat daripada pelbagai peringkat umur; sama ada muda atau tua, latar belakang pendidikan; mempunyai didikan agama atau sebaliknya, taraf pendapatan dan kehidupan.

Selain itu, hubungan signifikan dan positif ketakwaan terhadap kepatuhan membayar zakat pendapatan juga dibuktikan melalui kajian ini. Ini dijelaskan dengan ianya mempengaruhi seseorang individu dalam bertindak mematuhi perintah menunaikan zakat sebagai suatu tuntutan dalam Islam. Dapatan ini juga adalah selari dengan kajian terdahulu yang membincangkan tentang hubungan takwa dan nilai keagamaan terhadap suatu tindakan kepatuhan individu terhadap perintah yang terkandung dalam Islam. Ketakwaan yang seterusnya menerbitkan kepatuhan untuk melaksanakan perintah ternyata berhubung kait secara positif dengan kepatuhan membayar zakat pendapatan. Institusi zakat disarankan memperbanyak aktiviti berbentuk pendidikan bagi mendidik masyarakat tentang kepentingan dan manfaat membayar zakat pendapatan. Ini dapat dilakukan dengan mengadakan seminar, ceramah atau jelajah di jabatan-jabatan awam mahupun swasta, bertujuan memberi pendedahan kepada kebaikan, keuntungan berzakat disisi agama. Hal ini disebabkan ketakwaan berkait rapat dengan tahap pendidikan agama setiap individu dan tuntutannya dalam Islam. Penerangan tentang akibat tidak menunaikan zakat dan bahayanya rezeki tanpa berkat juga harus disertakan agar golongan yang mampu berzakat tahu akan implikasi tidak menzakatkan pendapatan yang mereka perolehi.

Malah, institusi zakat juga harus lebih proaktif bagi menjalinkan kerjasama dengan Kementerian Pendidikan dalam mengolah sukatan kurikulum baharu yang dapat memberi penekanan lebih mendalam tentang zakat agar ia tidak dipandang ringan dan masyarakat bermula daripada peringkat sekolah sehingga penuntut menara gading agar dapat memahami dan bersedia untuk menunaikan tanggungjawab kewajipan berzakat yang meliputi pelbagai harta zakat apabila memasuki alam pekerjaan kelak. Sekiranya masyarakat mudah mendapat akses pengetahuan tentang kewajipan berzakat dan menghayati kelebihan dan manfaat zakat terhadap agama, masyarakat dan pembangunan negara maka secara tidak langsung mereka akan menginsafi keburukan jika tidak mengeluarkan zakat dan balasannya di akhirat kelak. Justeru masyarakat sudah tentu akan bersedia serta sanggup untuk menunaikan zakat dalam apa jua situasi.

Jadual 6: Analisis regresi berganda

Pembolehubah	Standard β	Nilai-t	Nilai-p
Sikap	.296	4.335	.000**
Norma subjektif	.254	3.871	.000**
Kawalan gelagat tertanggap	.219	3.287	.001**
Takwa	.238	3.757	.000**
Nilai -F		48.798 (.000)	
<i>R- square</i>		.579	
<i>Adjusted R- square</i>		.567	

Nota: * $p < 0.05$; ** $p < 0.01$

5. Cadangan dan kesimpulan

Sebagaimana kajian-kajian lain, kajian ini juga memiliki beberapa kekangan yang perlu dipertimbangkan dalam menilai hasil kajian. Kajian ini dibatasi oleh saiz sample yang kecil serta soal selidik yang dibatasi kepada hanya kepada beberapa jabatan kerajaan di Labuan. Berdasarkan batasan kajian ini, dicadangkan kepada para penyelidik yang ingin melakukan penyelidikan lebih lanjut dalam bidang yang sama perlu memperluaskan liputan kajian kepada lebih banyak agensi kerajaan di Labuan. Kesimpulannya, dapatan kajian ini menggambarkan bahawa terdapat hubungan yang positif dan signifikan antara pemboleh ubah yang digunakan iaitu sikap, norma subjektif, kawalan gelagat tertanggap dan takwa mendorong kesediaan pembayaran zakat pendapatan dalam kalangan kakitangan awam di Wilayah Persekutuan Labuan dengan menggunakan pendekatan analisis faktor seperti yang dirungkaikan di dalam dapatan kajian. Pihak Pungutan Zakat (PPZ) Labuan, perlulah melihat kepada komponen sikap dalam memastikan kutipan zakat dapat dipertingkatkan. Selain itu, strategi pendekatan terhadap kumpulan rujukan perlulah dipergiatkan melalui media massa agar dapat meningkatkan kesediaan pembayaran zakat pendapatan oleh kumpulan berkenaan. Di samping sikap dan norma subjektif, kawalan gelagat tertanggap dan takwa turut menyumbang kepada kesediaan pembayaran zakat pendapatan di kalangan kakitangan awam di Wilayah Persekutuan Labuan. Oleh yang demikian, kajian ini diharapkan dapat memberi gambaran awal kepada pihak berwajib agar dapat mengaplikasikan pemboleh ubah yang dikaji dalam memacu dan membantu mentransformasikan kutipan zakat dalam kalangan kakitangan awam di Wilayah Persekutuan Labuan agar kesediaan mereka dalam membayar zakat pendapatan dilihat menggalakkan pada masa hadapan.

Rujukan

- Ajzen, I. (1987). Attitudes, traits and actions: Disposition prediction of behavior in personality and social psychology. *Advances in Experimental Social Psychology*, 20, 1–57.
- Ajzen, I., & Fishbein, M. (1980). *Understanding Attitudes and Predicting Social Behavior*. Englewood Cliffs, NJ:
- Ajzen, I., Netemeyer, R., & Ryn, M. Van. (1991). The Theory of Planned Behavior. *Organizational {Behavior} and {Human} {Decision} {Processes}*, V, 50(JANUARY 1991), 179–211. [http://doi.org/10.1016/0749-5978\(91\)90020-T](http://doi.org/10.1016/0749-5978(91)90020-T)
- An-Nawawi (1994). *Shahih Muslim bisyarh An-Nawawi. Kitab Takwa Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah*. Beirut (16) 121. As-Solehi, Mohd Yusuf (1993). *Subul Al-Huda wa Ar-Rasyad fi Sirat Khair Al-Ibad*. Dar Kutub Al-Ilmiyyah, Beirut. (1) 421.
- Bidin, Z., & Md Idris, K. (2009). Sikap, Norma Subjektif Dan Kawalan Gelagat Ditanggap Terhadap Niat Gelagat Kepatuhan Zakat Pendapatan Gaji. *International Journal of Management Studies*, 16(1), 31–55. Retrieved from <http://repo.uum.edu.my/3/1/ijms1612.pdf>
- Blind, K., Cuhls, K., & Grupp, H. (2001). Personal attitudes in the assessment of the future of science and technology: A factor analysis approach. *Technological Forecasting and Social Change*, 68(2), 131–149.
- Chu, P., & Wu, T. (2004). Factors influencing tax-payer information usage behavior: Test of an Integrated Model. *PACIS 2004 Proceedings*, 430–443.
- Farah Mastura Binti Noor Azman & Zainol Bidin. (2015). Determinants of Attitude toward zakat on Saving. *Australian Journal of Basic and Applied Sciences*, 9(31): 7-13.
- Fishbein, M., & Ajzen, I. (1975). *Belief, Attitude, Intention and Behaviour: An Introduction to Theory and Research*.
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad, & Mohd Ali Mohd Noor. (2007). Kesedaran Membayar Zakat Pendapatan Di Malaysia. *Islamiyyat*, 29, 53–70.
- Hairunnizam, W., Sanep, A., Mohd Ali, M. N., & Maryam, A. R. (2016). Prestasi Kecekapan Pengurusan Kewangan dan Pengurusan Agihan Zakat: Perbandingan Antara Majlis Agama Islam Negeri. In *Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia* (pp. 8–9).

- Haji-Othman, Y., Nazjmi, W., Fisol, M., Sholeh, M., & Yusuff, S. (2018). The moderating effect of islamic religiosity on compliance behavior of income Zakat in Kedah, Malaysia, 8(2), 281–286. <http://doi.org/10.6007/IJARAFMS/v8-i2/4382> Hall.
- Hamid, H. A. (2011). Zakat Pendapatan. In *Zakat Terapi Kekayaan* (1st ed., pp. 300–301). group buku karangkraf.
- Hanudin amin, T. R. (2010). SMS Banking: Explaining the effects of attitude, social norms and perceived security and privacy. *EJISDC*, 41(2), 1–15
- Icek Azjen. (1991). Theory of Planned Behavior. *Organizational Behavior and Human Decision Processes* 50: 179-211 Influence Academics Intention to Pay Zakah. *Proceeding of 2nd International Conference on Business and Economic Research, ICBER 2011*. 2492-2507.
- Jaffar, M. A., & Musa, R. (2016). Determinants of attitude and intention towards Islamic financing adoption among non-users. *Procedia Economics and Finance*, 37(16), 227–233.
- Johnson B.R., Jang S.J., Larson D.B., & De Li S. (2001). Does adolescent religious commitment matter? A re- examination of the effects of religiosity on delinquency". *Journal of Research in Crime and Delinquency*, 38 (1), 22- 44.
- Kamil Md Idris, Zainol Bidin & Ram Al Jaffri Saad. (2012). Islamic religiosity measurement and its relationship with business income zakat compliance behavior. *Jurnal Pengurusan* 34, 3-10.
- Kamil, M. I., & Ahmad Mahdzan, A. (2002). Peranan sikap dalam gelagat kepatuhan pendapatan gaji. *Analisis*, 9, 171– 191.
- Mazni Abdullah & Noor Sharoja Sapiei. (2018). Do religiosity, gender and educational background influence zakat compliance? The case of Malaysia. *International Journal of Social Economics*, 45(8), 1250-1264.
- Mohd Ali & Jeff Pope. (2014). The influence of religiosity on taxpayers’ compliance attitudes: Empirical evidence from a mixed-methods study in Malaysia. *Accounting Research Journal*, 27(1), 71-91.
- Mueller, D. J. (1986). *Measuring social attitudes : a handbook for researchers and practitioners*. New York : Teachers College Press. Retrieved from <https://archive.org/details/measuringsociala00muel>
- Nurul Huda, Nova Rini, Yosi Mardoni & Purnama Putra. (2012). The analysis of attitudes, subjective norms, and behavioral control on Muzakki’s intention to pay zakah. *International journal of Business and Social Science*, 3(22), 271-279.
- Pustaka, D. B. (2015). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Dewan Bahasa Pustaka.
- Raedah Sapingsi, Noormala Ahmad & Marziana Mohamad. (2011). A study on zakah of employment income: Factors that influence academics’ intention to pay zakah. In *2nd International Conference on Business and Economic Research (2nd ICBER 2011) Proceeding* (pp. 2492-2507).
- Ram Al Jaffri Saad, Zainol Bidin, Kamil Md. Idris & Md hairi Md Hussain. (2010). Faktor-faktor yang mempengaruhi gelagat kepatuhan zakat perniagaan. *Jurnal Pengurusan* 30, 49-61
- Sapingsi, R., Ahmad, N., & Mohamad, M. (2011). A study on zakah of employment income: Factors that influence academics’ intention to pay zakah. *2nd International Conference On Business and Economic Research*, (April), 2492–2507.
- Weaver, Gary & Agle, Bradley. (2002). Religiosity and ethical behavior in organizations: A symbolic interactionist perspective. *The Academy of Management Review*, 27, 77-97.
- Zainol Bidin, Mohd Zainudin Othman & Farah MASTura Ninti Noor Azman. (2013). Zakat compliance intention behavior on savings among Universiti Utara Malaysia’s Staff. *Proceeding of the International Conference on Social Science Research, ICSSR 2013*. 145-155.